



APB REMBAU



18 OKTOBER 2018

# BENGKEL BAHASA: PROGRAM MERAKYATKAN BUDAYA MEMBACA PERINGKAT DAERAH REMBAU TAHUN 2018

DISEDIAKAN OLEH:

NUR AFIQAH WAN MANSOR

Pada 18 Oktober 2018, Perpustakaan Awam Cawangan Rembau telah menganjurkan bengkel bahasa dengan tujuan untuk menyalurkan maklumat yang berkesan kepada para peserta agar dapat mengukuhkan dan meningkatkan keupayaan menguasai bahasa serta mengaplikasikan penggunaan tatabahasa bahasa Melayu dengan betul. Bengkel bahasa selama setengah hari ini telah dihadiri oleh peserta daripada pelbagai institusi seperti sekolah, kolej dan universiti di daerah Rembau. Koordinator Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi Rembau, Prof. Madya Dr. Soo Kum Yoke, pensyarah kanan Prof.Madya Dr. Norwati serta dua pensyarah yang mengajar subjek Bahasa Melayu iaitu Cik Nur Afiqah dan Cik Adriana Santa antara peserta yang dijemput menyertai bengkel bahasa ini.



Prof. Madya Dr. Soo Kum Yoke, Prof Madya Dr. Norwati,  
Cik Nur Afiqah dan Cik Adriana semasa bengkel bahasa berlangsung



Puan Hajah Mahaya memberi ceramah di Bengkel Bahasa Melayu "Betulkan Yang Biasa, Biasakan Yang Betul"

Bertemakan "**Betulkan Yang Biasa, Biasakan Yang Betul**", menjadikan bengkel bahasa ini menarik dan unik untuk dihadiri. Puan Hajah Mahaya merupakan penceramah jemputan merangkap Ketua 1 Persatuan Penulis Negeri Sembilan. Bengkel bahasa yang telah diadakan ini memberi banyak manfaat dalam penggunaan tatabahasa bahasa Melayu kepada para pendidik,

pentadbir dan pelajar. Selain bengkel bahasa, Perpustakaan Awam Rembau juga menganjurkan pelbagai aktiviti seperti Jejak Bahasa Melayu (Simpulan Bahasa, Ejaan, Pendeta Za'ba) dan Cetusan Warna Berkeluarga untuk pelajar sekolah di sekitar Rembau.



Sesi bergambar bersama penceramah jemputan Puan Hajah Mahaya,  
Ketua 1 Persatuan Penulis Negeri Sembilan